



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**10 JULAI 2018 (SELASA)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**The Star**

- Soil erosion threatens to destroy their homes 04

**Sinar Harian**

- Bimbang nyawa terancam 33
- Lima PBT laksana Smart Parkir 33
- Rumah Terbuka Bukit Antarabangsa meriah 33
- Majlis TPM tunda 21 Julai 33



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
 PANDAN INDAH, SELANGOR,  
 55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>10 JULAI 2018 (SELASA)</b>	
Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Soil erosion threatens to destroy their homes
Muka Surat	04

4 News
STARMETRO, TUESDAY 10 JULY 2018

# Soil erosion threatens to destroy their homes

Ampang Jaya folk reminded of 30-year-old incident as houses in danger of collapsing into monsoon drain

**By SHALINI RAVINDRAN**  
shaliniravindran@thestar.com.my

RESIDENTS of Jalan Bunga Tanjung 2 in Taman Muda, Ampang Jaya fear that their houses could collapse into a large monsoon drain in what would be a repeat of an incident some 30 years ago.

Huge cracks have appeared on the walls and floors of several of the three-storey houses, with further signs of erosion along the drains.

The drain walls were also on the verge of crumbling.

Taman Putra Monsoon Drain Committee chairman and resident Yong Voon Sing, 63, said these were signs that the foundation of the houses was affected by ground movement from the damaged monsoon drain.

"A few months after these houses were built some 30 years ago, 22 of them along this stretch had to be demolished after soil washed out from under the structures.

"There were no fatalities then as the residents were asked to evacuate and the site had remained empty.

"But now we are seeing signs of soil movement in the remaining houses. Of course we are very concerned about this," he said.

Another resident, Roziyah Abd Majid, 58, said cracks had appeared on the walls in her home and along the backlane.

"It was much worse previously, but we covered the cracks in a recent renovation. Even then, we



Lai (right) and Roziyah showing some of the cracks on a wall in her house.



In some places, the back lane of the houses along Jalan Bunga Tanjung 2, Taman Muda, are very badly cracked. — Photos: SAMUEL ONG/ The Star

are seeing new cracks," she said.

Teratai assemblyman Bryan Lai said he would push the Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) to find a solution to the issue, following a site visit with officers from the Buildings and Architecture Department.

"They have requested for a list of the affected homeowners and will open a file to investigate.

"MPAJ has started some remedial works but these are only short-term measures to patch up the cracks in the drain wall.

"I will also ask MPAJ and the Drainage and Irrigation Department to identify if the drainage system is a monsoon drain or river," he said.

"This concerns people's safety so swift must be taken," he added.

As at press time, MPAJ could not be reached for comment.



Large cracks have appeared on the walls of the monsoon drain, stretching all the way to the foundation of the houses along Jalan Bunga Tanjung 2.

**NewSound Hearing Damansara Jaya**  
*Probably the Most Innovative Hearing Professionals with the Highest Quality Hearing Care Services You Could Get.*

*We offer special tailor-made hearing solutions to help you hear better and to make life easier for everyone.*

Seek help from us if you:  
 1. Have been suffering in silence with poor hearing health.





**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**10 JULAI 2018 (SELASA)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Bimbang nyawa terancam
Muka Surat	33

SINAR HARIAN • SELASA 10 JULAI 2018 33

**AMPANG. HULU LANGAT**

HUBUNGI SEKAD AMPANG / HULU LANGAT: ISMADI ISMAIL - 019 3371003 / 019 6680275

# Bimbang nyawa terancam!

**Rumah dihuni retak, tanah pula makin mendap**

AHMAD ISMADI ISMAIL

TERATAI

**S**eramai 44 keluarga di sebuah taman perumahan di Taman Muda, di sini, bimbang dengan keadaan kediaman mereka yang kian retak sejak 29 tahun lalu.

Salah seorang penduduk, Roziyah Majid, 58, berkata, dia mendapati keretakan rumah di beberapa bahagian termasuk kawasan parkir dan dapur selepas dua tahun mendiami rumah itu pada 1989 sehingga ke hari ini dan ia bertambah teruk.

"Saya melihat keretakan ini semakin ketara, malah

tapak di bahagian belakang semakin mendap. Kita risau dan takut, sebab benda ni berlaku dah lama," katanya.

Menurutnya yang juga ibu tunggal, dia bersama anaknya yang menghuni rumah itu sentiasa bimbang akan keselamatan mereka.

"Saya terpaksa menampal simen pada dinding yang retak, namun keretakan kembali terbuka selepas beberapa bulan," luahnya lagi.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penduduk, Yong Voon Sing berkata, pihaknya turut mendapati tebing sistem saliran itu pecah dan keadaan tanah pula sudah mendap dan tidak stabil.

"Kami berasa takut apabila hujan lebat kerana sistem saliran tersebut telah rosak dan pecah, sebelum ini pernah berlaku kejadian 22 rumah runtuh di kawasan ini," katanya.

Voon Sing berkata, insiden tersebut boleh dianggap



Brain melihat keadaan salah sebuah rumah yang mengalami keretakan.

kejadian kedua terburuk selepas insiden Highland Tower.

"Saya berharap agensi berkaitan dapat segera menaik taraf tebing sungai dan mengatasi hakisan tanah berhampiran rumah kami," katanya.

Adun Teratai, Brian Lai Wai Chong berkata, persatuan penduduk taman perumahan itu perlu menghantar senarai rumah yang mengalami keretakan kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

"Saya juga memohon

**info**

**Adun minta persatuan penduduk serahkan segera senarai rumah alami keretakan kepada MPAJ.**

negeri supaya pemeriksaan boleh dilakukan.

"Jika sistem saliran itu adalah sungai, saya akan memohon JPS membaikinya, ia melibatkan peruntukan yang besar. MPAJ tidak mampu mengeluarkan kos yang tinggi," katanya.

Pihaknya juga memerlukan maklum balas segera berhubung keadaan kediaman penduduk berkenaan.

"Saya maklum isu ini kepada Exco Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Ir Izham Hashim untuk tindakan lanjut," katanya.

"Saya melihat keretakan ini semakin ketara, malah

insiden tersebut boleh dianggap

kejadian kedua terburuk selepas insiden Highland Tower.

"Saya berharap agensi berkaitan dapat segera menaik taraf tebing sungai dan mengatasi hakisan tanah berhampiran rumah kami," katanya.

Adun Teratai, Brian Lai Wai Chong berkata, persatuan penduduk taman perumahan itu perlu menghantar senarai rumah yang mengalami keretakan kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

"Saya juga memohon

agensi berkaitan mengenal pasti sistem saliran di bahagian belakang rumah penduduk ini merupakan sungai atau monsoon drain," katanya.

Brian berkata, surat akan dihantar kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

negeri supaya pemeriksaan boleh dilakukan.

"Jika sistem saliran itu adalah sungai, saya akan memohon JPS membaikinya, ia melibatkan peruntukan yang besar. MPAJ tidak mampu mengeluarkan kos yang tinggi," katanya.

Pihaknya juga memerlukan maklum balas segera berhubung keadaan kediaman penduduk berkenaan.

"Saya maklum isu ini kepada Exco Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Ir Izham Hashim untuk tindakan lanjut," katanya.





**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>10 JULAI 2018 (SELASA)</b>	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Lima PBT laksana Smart Parkir
Muka Surat	33

## ***Lima PBT laksana Smart Parkir***

PANDAN INDAH - Kerajaan negeri melalui *Smart Selangor Delivery Unit* (SSDU) akan melaksanakan aplikasi *Smart Parkir* di kesemua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri ini.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Abd Hamid Hussain berkata, beliau dimaklumkan buat permulaan sebanyak lima PBT akan melaksanakan aplikasi *Smart Parkir* iaitu MPAJ, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Perbandaran Kajang dan Majlis Perbandaran Selayang.

"Orang ramai boleh membeli kredit



**ABD HAMID**

tersebut melalui SSDU sebagai ejen parkir, pembelian tersebut boleh digunakan di kawasan parkir di lima PBT berkenaan," katanya.

Abd Hamid berkata, aplikasi ini dijangka akan dilaksanakan di semua PBT di negeri ini setelah perbincangan pihak konsesi dengan PBT di kawasan berkenaan selesai.

"Aplikasi ini memudahkan orang ramai mem-

bayar parkir *on-street* PBT terlibat atau pembayaran kompaun. Melalui aplikasi ini juga, pengguna boleh tambah nilai dalam satu akaun dalam talian menerusi aplikasi telefon pintar," katanya.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**10 JULAI 2018 (SELASA)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Rumah terbuka Bukit Antarabangsa meriah
Muka Surat	33

## ***Rumah terbuka Bukit Antarabangsa meriah***

**BUKIT ANTARABANGSA** - Seramai 2,500 hadirin pelbagai agama dan bangsa menyertai Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Jawatankuasa Penduduk (JKP) Zon 5 Bukit Antarabangsa di Dataran Rekreasi Bukit Antarabangsa, di sini, kelmarin.

Majlis keraian itu turut dihadiri Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraidda Kamaruddin, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Penggunaan, Sains, Teknologi Dan Inovasi Selangor, Hee Loy Sian.

Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Ahmad Sabri Abu Bakar berkata, majlis rumah terbuka ini sememangnya platform terbaik untuk pemimpin mendekati rakyat.

"Walaupun masyarakat kita ada perbezaan fahaman politik, namun acara sebegini juga dapat memupuk perpaduan pelbagai lapisan masyarakat berbilang kaum dalam suasana harmoni dan bersatu hati," katanya melalui kenyataan yang dikeluarkan.

Selain itu, turut hadir memeriahkan majlis, Mufti Perlis, Datuk Dr Mohd Asri

Zainul Abidin, Pegawai Daerah Gombak, Datuk Amirul Azizan Abd Rahim, Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain, Setiausaha yang juga Timbalan Yang Dipertua MPAJ, Hasrolnizam Shaari dan Timbalan Ketua PKR Ampang, Abdul Latif Shaari.

"Majlis turut diserikan dengan persembahan penyair Puan Habib, manakala Aris Ariwatan, Halil Chik, Mak Jah turut menyumbang lagu menghiburkan tetamu yang hadir," katanya.

Program dijayakan dengan kerjasama KDEB Waste Management dan Air Selangor.



Ahmad Sabri (dua kanan) bergambar bersama Hee Loy Sian (dua kiri) dan tetamu yang hadir.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**10 JULAI 2018 (SELASA)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Majlis TPM tunda 21 Julai
Muka Surat	33

### Majlis TPM tunda 21 Julai

PANDAN INDAH - Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang dijadualkan Sabtu ini ditunda pada 21 Julai.

Pegawai Khas kepada Wan Azizah, Mohd Rashidi Hassan berkata, penundaan ini dibuat kerana Ahli Parlimen Pandan itu akan ke luar negara bagi mengiringi suaminya, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjalani pembedahan.

"Kami memohon maaf di atas sebarang

kesulitan yang timbul di atas penundaan ini. Mari kita berdoa agar Anwar diberikan kesembuhan segera untuk beliau terus berkhidmat kepada rakyat," katanya dalam satu kenyataan.

Mohd Rashidi berkata, tentatif masa dan lokasi Rumah Terbuka Aidilfitri itu masih sama, hanya tarikh sahaja yang ditunda.

"Majlis akan bermula pada jam 11.30 pagi, manakala lokasinya di Padang Perbandaran MPAJ adalah kekal," katanya lagi.